

Headline	Sinar keceriaan ibu bapa, murid		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	15 Jan 2019	Language	Malay
Circulation	112,050	Readership	336,150
Section	Dlm Negeri	Page No	7
ArticleSize	814 cm <sup>2</sup>	Journalist	ABDUL RASHID
PR Value	RM 48,708		



# Sinar keceriaan ibu bapa, murid

Oleh **ABDUL RASHID ABDUL RAHMAN**  
utusan@utusan.com.my

■ BENTONG 14 JAN.

**A**KIBAT kesempitan hidup, seorang ibu, **Nasikin Che Leh**, 32, tidak dapat membelikan pakaian baharu dua anaknya yang belajar di Sekolah Kebangsaan (SK) Janda Baik di sini.

Atas belas ihsan jiran, anaknya, Mohamad Amirul Musadiqin Kamarudin, 9, dan Mohamad Asli Nafi, 11, yang masing-masing belajar di tahun tiga dan lima menerima baju terpakai yang diberikan mereka.

Nasikin yang tinggal di Kampung Chemperuh di sini berkata, sumbangan kelengkapan berkenaan membawa makna besar kepadanya sekeluarga selain memberi semangat anak-anaknya untuk belajar.

"Sebelum ini saya tidak mampu membelikan baju baharu kepada anak saya tetapi mereka faham dengan keadaan keluarga meskipun ada mengadu malu dengan kawan-kawan kerana memakai baju lama.

"Pemberian kelengkapan persekolahan baharu ini amat besar artinya buat keluarga saya dan memberikan keceriaan kepada anak-anak yang sebelum ini hanya menggunakan pakaian diberikan jiran," katanya yang hanya mengharapkan pendapatan daripada suaminya bekerja di kedai makan, di sini.

Dalam pada itu, seorang bapa, **Man Emak**, 30, dari Kampung Orang Asli Chemperoh berkata, sumbangan TNB berkenaan bertepatan dengan keadaan mereka yang terbeban dengan kos sara hidup.



PENGERUSI Jawatankuasa Kemudahan Asas, Sistem Penyampaian Awam dan Inovasi Pahang, **Datuk Seri Norol Azali Sulaiman** (tiga dari kanan) dan **Husaini Husin** (dua dari kanan) menyampaikan sumbangan kepada murid-murid pada program *Back to School* TNB di Dewan Orang Ramai Kampung Janda Baik Bentong, Pahang baru-baru ini.



**NASIKIN CHE LEH**



**MAN EMAK**



**FARAH AINUL**



**HUSAINI HUSIN**

Katanya, pendapatannya kira-kira RM300 sebulan dengan berkecukupan sememangnya memberi bebanan untuk menyediakan kelengkapan persekolahan anaknya.

"Saya gembira dapat menyediakan kelengkapan sekolah kepada anak saya, Nur Safiqah yang baru masuk tahun satu dengan bantuan diberikan TNB kali ini.

"Saya mengucapkan terima kasih kepada TNB kerana menganjurkan program ini dan

memilih kami sebagai penerima bantuan pada tahun ini," katanya.

Sementara itu, seorang murid tahun lima, **Farah Ainul Mardiah Malindo**, 11, bersyukur kerana dapat memiliki sepasang pakaian baharu persekolahan tahun ini.

"Terima kasih kepada TNB dan saya berazam belajar berunggu-sungguh bagi mencapai keputusan yang baik dan mengubah nasib keluarga," ujarnya.

Dalam pada itu Ketua (Pembangunan Grid) Bahagian Grid TNB, **Datuk Ir. Husaini Husin** berkata, program sumbangan kelengkapan persekolahan itu diteruskan tahun ini melibatkan 400 murid dengan peruntukan kira-kira RM80,000.

"Besarnya harapan TNB agar bantuan ini dapat mendorong dan menyuntik semangat anak-anak supaya terus berusaha gigih untuk berjaya dalam pelajaran masing-masing," katanya.



"Kita mengucapkan penghargaan tidak terhingga kepada TNB kerana sudi datang ke Janda Baik ini dan beberapa daerah di Pahang untuk melaksanakan program tanggungjawab sosial korporat (CSR)."

**NOROL AZALI SULAIMAN**



**RINA ARIANI JUHAIRI** bersama dua anaknya ceria selepas menerima kelengkapan sekolah dalam program *Back to School* TNB di Dewan Orang Ramai Kampung Janda Baik Bentong, Pahang baru-baru ini.



PENGERUSI Jawatankuasa Kemudahan Asas, Sistem Penyampaian Awam dan Inovasi Pahang, **Datuk Seri Norol Azali Sulaiman** (berdiri tengah) dan Ketua (Pembangunan Grid) **Husaini Husin** serta Ketua Perhubungan Awam dan Dalam TnB, **Datuk Ir. Mohd. Aminuddin Mohd. Amin** bersama murid Sekolah Kebangsaan Janda Baik dalam program *Back to School* TNB di Dewan Orang Ramai Kampung Janda Baik, Pahang, baru-baru ini. —UTUSAN/ABDUL RASHID ABDUL RAHMAN